

JAWATANKUASA PROMOSI LEAN PKNP ANJUR PERTANDINGAN TEKA KATA LEAN 2020



Para peserta teruja dan bersemangat sewaktu Pertandingan Teka Kata Lean

Dalam pertandingan pada kali ini, Zon Eksklusif yang diwakili Puan Che Nor Shamsina Che Yahya dan Puan Nurul Diana Anayan telah berjaya menjadi juara. Tempat kedua pula disandang oleh Zon Agresif yang diwakili oleh Encik Mohd Hadri bin Arshad dan Encik Nasrul Arif bin Ahmad dari Bahagian Teknik. Zon Proaktif menduduki tempat ketiga dan diwakili oleh Cik Nurul Alia Zainudin dan Cik Siti Nurainah Mohamed Asri dari Bahagian Audit Dalam.

Syabas dan tahniah kepada para pemenang.

Kuantan, 17 November - Jawatankuasa Promosi Lean PKNP telah menganjurkan Pertandingan Teka Kata Lean yang telah berlangsung di Dewan EDC Tingkat 3, Kompleks Teruntum.

Acara ini adalah merupakan salah satu program/aktiviti yang telah dirancang untuk dilaksanakan dalam kalender promosi untuk tahun ini. Sebelum itu, dua aktiviti promosi lean telah berlangsung; iaitu Spot The Difference, (Dua Siri) dan Grand Kahoot Of Lean pada bulan Ogos 2020 yang lalu.



Tahniah para pemenang Pertandingan Teka Kata Lean

PROGRAM TUNAS USAHAWAN BELIA BUMIPUTERA (TUBE 7.0)

Kuantan, 5 November - PKNP & SME Corp bekerjasama dalam menganjurkan sesi taklimat keusahawanan bersama peserta Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) 7.0 bertempat di Dewan Utama EDC, Tingkat 3, Kompleks Teruntum, Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Taklimat ini dibahagikan kepada dua (2) bahagian iaitu sesi pagi dan petang (seramai 30 orang peserta bagi setiap sesi) bagi mematuhi garis panduan (SOP).

Taklimat ini bertujuan untuk menerangkan peranan PKNP & SME Corp kepada para usahawan belia seterusnya bagi mencipta jaringan antara belia usahawan dan agensi-agensi kerajaan.



Sesi taklimat keusahawanan berjalan lancar dan mencapai matlamat



Antara peserta Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) 7.0

Sidang Redaksi

- Penaung / Penasihat
 - ◆ Encik Mohd Faizal bin Jaafar
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
- Penyelaras Penerbitan
 - ◆ Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim
- Ketua Editor
 - ◆ Encik Mohd Fahmi bin Abdul Ghani
- Grafik
 - ◆ Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rasli
 - ◆ Encik Mohd Firdaus bin Abdul Hamid
 - ◆ Encik Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman
- Jurufoto
 - ◆ Encik Saiful Azli bin Yahia
 - ◆ Encik Mohd Firdaus bin Abdul Hamid
 - ◆ Encik Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman

WEBINAR :

- PKNP Turut Dijemput Sebagai Ahli Panel



Encik Nasry Kassim menjadi salah seorang ahli panel

Kuantan, 24 November - PKNP melalui Bahagian Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan, turut dijemput sebagai ahli panel jemputan bagi membentangkan kertas kerja seminar secara maya (Webinar) anjuran Institut Kajian Zakat dan Wakaf Malaysia dan Uitm Shah Alam baru-baru ini.

Pengurusan Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan, Encik Nasry bin Kassim telah membentangkan kertas kerja bertajuk : Model Keusahawanan Dalam Membangunkan Usahawan Luar Bandar. Antara objektif webinar ini adalah berkongsi modul keusahawanan yang digunapakai dalam membangunkan usahawan luar bandar. Program bual bicara secara langsung yang bertemakan Bersama Membangunkan Ekonomi Luar Bandar dipermudahcara oleh Prof Madya Dr Mohd Afandi bin Mat Rani, Pengarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM.

PEMBANGUNAN USAHAWAN LUAR BANDAR

BERSAMA MEMBANGUNKAN EKONOMI LUAR BANDAR

24 NOVEMBER 2020 9.45 - 12.00 AM PM

BOOK YOUR SEAT TODAY!
<https://meet.google.com/chk-nqj-khk>

Pembentangan yang telah dilaksanakan menerusi laman Webinar turut dihadiri Penolong Pengurus Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan, Encik Muhammad Jabrul Akmal bin Mat Yahya dan Encik Mohamad Amirul bin Hanzah.

PKNP ATUR LAWATAN TAPAK BERSAMA BAKAL PELABUR KE TAMP, PEKAN



Puan Dhaleazafarina mempengerusikan mesyuarat dan mengetahui lawatan tapak di Tanjung Agas

Pekan, 26 November - PKNP melalui Bahagian Perindustrian telah mengatur lawatan tapak dan mesyuarat/perbincangan bersama pelabur berpotensi iaitu Scion Alliance Sdn Bhd di Kawasan Perindustrian Tanjung Agas Maritime Park (TAMP), Pekan, Pahang.

Perbincangan dengan pihak Scion Alliance Sdn. Bhd. adalah untuk membincangkan cadangan pembangunan Eco Industrial Park seluas 600 ekar di kawasan ini. TAMP yang terletak 50km dari bandar Kuantan merupakan kawasan perindustrian yang strategik kerana kedudukannya bertentangan dengan Laut China Selatan.

Pada ketika ini, kesemua infrastruktur asas telah dibangunkan termasuk sistem bekalan elektrik dan air yang telah dimulatugas pada suku pertama 2020. Sesi perbincangan ini telah dipengerusikan Penolong Pengurus Perindustrian PKNP, Puan Dhaleazafarina binti Md Zabani. Turut hadir wakil TGA Solutions Sdn. Bhd.



PKNP bersama para pelabur dari Scion Alliance Sdn Bhd

SELAMAT HARI DEEPAVALI 2020



Kuantan, 14 Oktober - Selamat Menyambut Pesta Cahaya kepada semua penganut agama Hindu.

Semoga perpaduan dan kemakmuran akan terus terjalin di bumi Malaysia yang tercinta.

Marilah kita bersama - sama untuk terus mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa semasa sambutan perayaan ini.

Ikhlas daripada Pengerusi, Ahli Perbadanan, Pengurusan dan Warga Kerja PKNP.

MESYUARAT AGUNG KOPERASI KAKITANGAN KUMPULAN PKNP PAHANG BERHAD KE - 26



Pengerusi Koperasi bersama Anggota Lembaga Sesi 2020 - 2023

Kuantan, 7 November - Koperasi Kakitangan Kumpulan PKNP Pahang Berhad (Koperasi PKNP) telah mengadakan Mesyuarat Agung kali ke - 26.

Sesi perasmian telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Tuan Haji Mohd Zaid bin Harun sebagai wakil rasmi Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar.

Antara agenda Mesyuarat Agung adalah melantik 5 orang calon Anggota Lembaga bagi sesi 2020 - 2023. Mesyuarat kali ini berbeza kerana dilaksanakan dalam norma baharu mengikut prosedur operasi standard (SOP) Covid - 19 yang ditetapkan.

Setiap ahli koperasi yang hadir diwajibkan mengamalkan penjarakan fizikal sewaktu pendaftaran sehingga mesyuarat tamat. Malah, setiap ahli sentiasa diingatkan untuk memakai pelitup muka sepanjang keberadaan di dalam dewan.

Pemeriksaan suhu juga telah dijalankan dan pendaftaran kehadiran di aplikasi Mysejahtera juga dilaksanakan sebelum memasuki Dewan Utama. Mesyuarat ini juga hanya melibatkan kehadiran tidak lebih daripada 250 orang ahli.

Untuk rekod, Koperasi PKNP telah mencatatkan keuntungan RM 225, 874.00 pada tahun 2019 berbanding RM 204,724.00 pada tahun 2018.

Malah, pemberian dividen ke atas saham meningkat kepada 7% pada tahun 2019 berbanding 3% pada tahun 2018. Pemberian dividen ke atas yuran juga meningkat kepada 7 % pada 2019 daripada 3.5% pada 2018.

Mesyuarat ini dihadiri oleh Pengerusi Koperasi PKNP, YH Dato' Haji Ahmad Sabri bin Husin, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Tuan Haji Mohd Zaid bin Harun dan Ahli - Ahli Koperasi PKNP.



Ahli Koperasi menjalankan tanggungjawab sebagai pengundi

LAWATAN JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PAHANG (JPNP) KE KOMPLEKS PENGEMBANGAN TENUN PAHANG DIRAJA



Kain Tenun Pahang DiRaja menjadi pilihan tetamu yang hadir

Kuantan, 21 November - Satu sesi lawatan dan perbincangan mengenai "Corporate Package" yang ditawarkan oleh Realistic Attractions Sdn Bhd (RASB) kepada Jabatan Pendidikan Negeri Pahang (JPNP) telah diadakan di Kompleks Pengembangan Tenun Pahang DiRaja, Sungai Soi.

Lawatan ini dihadiri oleh Hajah Asiah binti Hamzah, Timbalan Pengarah Perancangan dan Pengurusan PPD bersama- sama Datin Sri Kamariah Binti Mohamad, Ketua Penolong Pengarah Kanan Sektor Pendidikan Khas JPNP dan Pengerusi Puspanita PKNP, Puan Zuhaira Zainordin diiringi oleh Datin Noraskin binti Jamaludin Setiausaha Perbadanan PKNP merangkap Ahli Lembaga Pengarah Syarikat RASB.

Lawatan ini adalah bagi merealisasikan hasrat Transformasi Pendidikan Pahang (TPP) untuk menonjolkan identiti Pahang dalam kalangan seluruh warga pendidikan Negeri Pahang.

Justeru, saranan "Tenun Thursday" oleh Kerajaan Negeri dilihat sangat bersesuaian dengan konsep TPP akan disambut oleh JPNP sebagai usaha mempromosikan identiti Pahang yang akan dipakai pada setiap hari Khamis minggu pertama.

RASB merupakan anak syarikat milik penuh PKNP yang mengeluarkan dan memasarkan Kain Tenun Pahang DiRaja.

NOVEMBER
2020

Aspirasi
Kegemilangan

PKNP

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | www.pknpp.gov.my

PKNP TERIMA KUNJUNGAN DARIPADA TERAJU

Kuantan, 26 November - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar telah menerima lawatan dari Unit Peneraju Agenda Bumiputera, TERAJU yang berperanan untuk memastikan agenda bumiputera di dalam pelaksanaan projek Laluan Rel Pantai Timur (East Coast Rail Link / ECRL) dipatuhi.

TERAJU yang ditubuhkan pada tahun 2011 oleh Jabatan Perdana Menteri adalah satu unit strategik yang berperanan untuk meneraju, memacu dan menyelaras penyertaan Bumiputera dalam ekonomi Negara.

Delegasi yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif TERAJU, Tuan Haji Md Silmi Abd Rahman ini berminat untuk melihat model pelaksanaan bagi penglibatan kontraktor bumiputera bagi projek tersebut di Negeri Pahang di bawah kendalian PKNP untuk diselaraskan kepada semua negeri yang terlibat.



Ketua Pegawai Eksekutif PKNP (tengah) bersama barisan kepimpinan TERAJU

KUNJUNGAN HORMAT DARI UNIVERSITY COLLEGE YAYASAN PAHANG KE PKNP



Tuan Haji Mohd Zaid bersama Dr. Tan Li Pin

Kuantan, 18 November - Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Tuan Haji Mohd Zaid bin Harun hari ini menerima kunjungan hormat dari University College of Yayasan Pahang (UCYP) yang diketuai oleh Dr. Tan Li Pin, Timbalan Naib Canselor Hubungan Industri & Pembangunan Penyelidikan UCYP.

Kunjungan ini adalah bertujuan untuk membincangkan potensi jalinan kerjasama antara PKNP dan UCYP.

Antara agenda yang dibincangkan adalah perkongsian pengalaman kepakaran PKNP yang boleh dimanfaatkan oleh UCYP, penyediaan platform

bagi para pensyarah untuk ditempatkan di PKNP dan potensi penyelidikan dari UCYP untuk menambah baik Kompleks Teruntum.

Lawatan hari ini turut dihadiri oleh Pengurus Hal Ehwal Korporat, Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim, Pengurus Bahagian Perindustrian, Tuan Haji Md Daud bin Abdul Rahman, Pengurus Bahagian Pentadbiran & Sumber Manusia, Puan Nooremi binti Musa dan Penolong Pengurus Bahagian Perindustrian, Puan Dhaleazafarina binti Md Zabani.

Pihak UCYP pula diwakili oleh Encik Ezuan Hadi bin Zulkefry, Puan Ainul Hayati binti Yunus dan Encik Alif bin Abdul Karim Zamri.



Barisan pengurusan PKNP bersama wakil dari UCYP